

TARIKH	11 / 06 / 2013	SEKSYEN	Malakarjah
MUKA SURAT	19	RUANGAN	Malakarjah.

# TH serah zakat perniagaan

*Jumlah tertinggi dibayar berbanding negeri lain*

**SHAH ALAM** - Lembaga Tabung Haji (TH) Selangor semalam, menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM10.9 juta bagi 2012 kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah selaku Ketua Agama Islam Selangor berkenan menerima zakat itu, yang disampaikan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Paduka Ismee Ismail di Istana Bukit Kayangan di sini.

Zakat yang dibayar itu adalah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dan merupakan jumlah tertinggi dibayar oleh TH Selangor berbanding negeri lain serta yang paling tinggi diterima LZS se-takat ini.

Jumlah keseluruhan zakat

perniagaan TH 2012 di seluruh negara ialah RM41.2 juta.

Majlis penyerahan zakat TH itu turut dihadiri Pengerusi

LZS, Tan Sri Syed Anwar Syed Putra Jamalullail; Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa dan Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyes Abdul Wahid.

Dalam pada itu, Sultan Sharafuddin turut menyampaikan watikah pelantikan kepada Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Salehan Yatim, ber-

kuat kuasa 2 Mei tahun ini.

Pada majlis sama, Sultan Sharafuddin turut berkenan menyampaikan watikah pelantikan kepada 10 Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam (Wali Raja).

Mereka ialah Abd Malek Ramli; Nasrul Hadi Rohani; Mohd Arif Abdul Samat; Zanizan Ismail; Hardi Mohamad Sadali; Hafzi Brahim; Zainizam Zailan; Mohd Khairi Md Zainal; Mohd Adam Panjaitan Maruli dan Nurul Hisham Hussin.

Turut menerima watikah pelantikan daripada baginda, Orang Besar Daerah Hulu Langat Datuk Orang Kaya Tok Engku Maha Bijaya Hulu Langat Abdul Jalil Abdul Rani.

- Bernama



Sultan Sharafuddin berkenan menerima pembayaran zakat daripada Ismee (kiri) semasa Majlis Penyerahan di Istana Bukit Kayangan, semalam.



Sultan Sharafuddin berkenan menyampaikan Watikah Pelantikan Wali Raja Negeri Selangor kepada Abd Malek semasa Majlis Penyampaian Watikah, semalam.